



جائتٲن اٲام اٲلام فٲراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGlima BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Ruj Kami:JAIPK/DWH/MAIPK/PM/33JLD.2(38)

Tarikh : 24 Jun 2021M
13 Zulkaedah 1442H

**Pengerusi Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau
Negeri Perak Darul Ridzuan**

Dato' Seri/ Dato'/Tuan,

**PEKELILING KEBENARAN MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH TAHUN
2021M/1442H DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) BAGI NEGERI PERAK
DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, telah disembang maklum tatacara dan panduan pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah Tahun 2021M/1442H dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Negeri Perak Darul Ridzuan menzahirkan titah perkenan untuk pelaksanaannya.

Dengan hormat dan takzimnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah pada tahun 2021M/1442H adalah tertakluk kepada syarat-syarat utama seperti berikut:-

2.1 Bilangan haiwan sembelihan

HARI PERTAMA (10 Zulhijjah 1442H)

(Bagi Lembu / Kerbau)

Sesi 1: Maksimum 4 ekor Sesi 2: Maksimum 5 ekor

(Bagi Kambing)

Sesi 1: Maksimum 6 ekor Sesi 2 : Maksimum 8 ekor

HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (11,12 dan 13 Zulhijjah 1442H)

(Bagi Lembu / Kerbau)

Sesi 1: Maksimum 5 ekor Sesi 2: Maksimum 5 ekor

(Bagi Kambing)

Sesi 1: Maksimum 8 ekor Sesi 2: Maksimum 8 ekor

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"

2.2 Masa Penyembelihan

HARI PERTAMA (10 Zulhijjah 1442H)

(Bagi Lembu / Kerbau / Kambing)

Sesi 1: 9.00 pg – 12.00 tengahari

Sesi 2: 2.00 ptg – 6.00 petang

HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (11,12 dan 13 Zulhijjah 1442H)

(Bagi Lembu / Kerbau / Kambing)

Sesi 1: 8.00 pg – 12.00 tengahari

Sesi 2: 2.00 ptg – 6.00 petang

2.3 Tempat Penyembelihan

Tidak dibenarkan melakukan penyembelihan qurban dan aqiqah di mana-mana tempat kecuali:-

- i. Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
(Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan di Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir).
- ii. Perkarangan masjid atau surau.
- iii. Premis-premis yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

2.4 Bilangan Petugas

- i. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
Bagi setiap sesi, jumlah petugas hendaklah tidak melebihi 20 orang termasuk ahli jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban.
- ii. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
Tidak dibenarkan melaksanakan Ibadah Qurban dan Aqiqah.

“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”

3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah Tahun 2021M/1442H dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Negeri Perak Darul Ridzuan untuk rujukan dan tindakan selanjutnya dari pihak Dato' Seri/ Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)

Pengarah

Jabatan Agama Islam

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.
Orang Besar Jajahan Daerah.
Pegawai Tadbir Agama Daerah.
Fail Timbul.

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"